



TRANSKRIP TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

BERSEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI
BULAN OGOS 2019**

**TARIKH : 21 OGOS 2019 (RABU)
MASA : 8.30 PAGI
TEMPAT : AUDITORIUM PERDANA
BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

“SAYANGI MALAYSIAKU: MALAYSIA BERSIH”

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

Terima kasih saudara pengacara majlis serta kumpulan koir Jabatan Perdana Menteri. Juga kepada Encik Mohammed Kamal Bin Mohamed Yusoff yang telah memimpin bacaan doa.

Yang Berusaha Encik Mohammad bin Ismail

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan)

Yang Berusaha Puan Roziah binti Abudin

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Yang Berusaha Encik Yuswan bin Yunus

Setiausaha Bahagian, Bahagian Sumber Manusia, dan

Yang Berusaha Encik Khairil Adha bin Ahmad

Setiausaha, Urusetia Jawatankuasa Kerja Tanah, JPM, selaku penganjur bersama bagi perhimpunan pada hari ini, serta

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-Setiausaha Bahagian, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, maka dapat kita bersama-sama pada pagi yang mulia ini dalam perhimpunan bulanan bagi bulan Ogos 2019 bertemakan "**Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih**".

PENGHARGAAN PENERIMA ANUGERAH JABATAN PERDANA MENTERI

2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada warga Jabatan Perdana Menteri yang telah menerima:
 - a) Anugerah Penjawat Cemerlang Bulanan;
 - b) Anugerah Peminjam Paling Aktif Perpustakaan JPM;
 - c) Most Active Department Lending Books @ Perpustakaan JPM;
 - d) kepada pegawai dan kakitangan yang telah menerima surat kenaikan pangkat; serta
 - e) pemenang pertandingan sempena Hari Kebangsaan.
3. Semoga anugerah yang diterima ini memberi semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk meneruskan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas seharian dan saya juga berharap ia menjadi pendorong kepada warga Jabatan Perdana Menteri yang lain untuk meningkatkan usaha dan komitmen masing-masing bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan di Jabatan Perdana Menteri di samping merebut peluang sebagai penerima anugerah pada masa hadapan.
4. Saya juga ingin menggalakkan supaya warga JPM terus membudayakan hidup sihat untuk terus mempertajamkan minda melalui aktiviti pembacaan.
5. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada warga kerja baharu Jabatan Perdana Menteri. Semoga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dapat meningkatkan lagi prestasi cemerlang Jabatan Perdana Menteri dan terus unggul dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pemangtaruh. Tuan-tuan dan puan-puan pernah mendengar pepatah “doa yang dimakbulkan”. Jadinya apabila kita datang ke sesuatu Jabatan yang baharu itu, perlu lah kita berusaha dengan doa. Kita perlu mempunyai sikap yang sentiasa berdaya maju di Jabatan yang baharu. Janganlah kita bersikap seperti “melukut di tepi gantang”

yang tidak memberi kesan walau di mana sahaja Jabatan yang kita berkhidmat.

6. Tidak ketinggalan juga, kepada pegawai-pegawai yang telah bertukar dan juga kepada pegawai-pegawai yang bersara pada bulan Julai dan Ogos 2019, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberi sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam terutamanya di Jabatan Perdana Menteri. Selamat maju jaya diucapkan kepada yang bertukar ke Jabatan baharu serta selamat melayari fasa kehidupan yang baharu bagi yang telah bersara.

TITAH TAHNIAH PERTABALAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE-XVI

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Tanggal 30 Julai 2019 merupakan hari yang bersejarah kepada Negara di mana kita telah menyaksikan istiadat pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-XVI yang telah berjalan dengan gilang gemilang serta penuh adab dan adat warisan Kesultanan Melayu.
8. Jabatan Perdana Menteri merafak sembah setinggi-tinggi tahniah buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena pertabalan Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-XVI. Begitu juga kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Al-Marhum Al-Mutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.
9. Jabatan Perdana Menteri menjunjung kasih dan berikrar akan sentiasa menumpahkan taat setia kepada Tuanku serta berdoa semoga Allah SWT melimpahkan Kebawah Duli Tuanku dan Tuanku Raja Permaisuri serta ahli-ahli keluarga dengan taufik dan

hidayah, dipanjangkan umur, kesihatan yang baik dan Tuanku berdua terus bersemayam di singgahsana dengan segala kehormatan serta kebesarannya dan sentiasa dalam perlindungan Allah SWT.

10. Tahniah juga diucapkan kepada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA) serta semua pegawai Jabatan Perdana Menteri atas komitmen dan profesionalisme yang telah ditunjukkan dalam menjayakan Majlis Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-XVI.

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA

11. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua warga Jabatan Perdana Menteri yang beragama Islam yang telah menyambutnya pada 11 Ogos 2019 yang lepas. Semoga amal ibadat yang dilaksanakan bersempena dengan perayaan ini akan diterima oleh Allah s.w.t dan kita jadikannya sebagai semangat dan intipati melalui erti sebuah pengorbanan.
12. Marilah kita sama-sama mendoakan agar semua warga Jabatan Perdana Menteri, rakyat Malaysia serta semua umat Islam yang bertuah terpilih untuk menunaikan ibadah haji di tanah suci Mekah dianugerahkan haji yang mabrur. Semoga mereka selamat pulang ke tanahair dan ke pangkuan keluarga masing-masing.
13. Ibadah korban yang dilaksanakan sempena Aidiladha adalah sebagai memperingati pengorbanan Nabi Ibrahim serta kesabaran anaknya Nabi Ismail demi ketaatan kepada Allah SWT.
14. Pengorbanan ini tidak terbatas kepada ibadah semata-mata, malah ia meliputi pelbagai perkara iaitu pengorbanan harta dan kepentingan peribadi. Kesanggupan berkorban harta kekayaan bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan adalah kebajikan yang dituntut oleh Islam.

15. Pengorbanan bukan sekadar memberi tetapi mengajar kita erti mensyukuri nikmat yang dimiliki dengan menginsafi nasib mereka yang kurang berkemampuan.
16. Ia mengajar kita supaya mengeneipkan kepentingan diri demi kesejahteraan masyarakat dan secara tidak langsung, memupuk kita menjadi masyarakat yang prihatin, bertimbang rasa, penyayang dan saling bantu membantu antara satu sama lain tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.
17. Kita perlu menghayati erti korban yang sebenar dan menerapkan nilai-nilai murni ini bagi memantapkan kehidupan seharian dan kerja kita tanpa mengira agama dan bangsa.
18. Cuba tanya diri kira sejauh mana kita telah berkorban dari segi masa, harta, jiwa dan raga agar pengorbanan yang kita lakukan itu tidak akan berlalu sia-sia tetapi ianya akan dibalas dan digantikan oleh Allah dengan syurga kelak.

PERHIMPUNAN BULANAN JPM

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pada Majlis Perjumpaan Bersama Warga JPM Bagi Bulan Julai 2019, telah mengingatkan kita semua supaya perlu sedar dan bersyukur bahawa Malaysia dapat menikmati sambutan perayaan jauh lebih baik daripada negara lain. Sikap toleransi antara kaum, bangsa dan agama yang kita amalkan, membawa kepada kemakmuran bersama dan kesejahteraan negara.
20. Sikap toleransi ini juga serta sifat timbang rasa dan kerjasama perlu diterapkan dalam melaksanakan tugas seharian dengan lebih sempurna dan berkesan. Lantaran daripada itu, kita sebagai penjawat awam berupaya mencari jalan penyelesaian yang lebih inovatif dan efektif dan tidak mudah melenting apabila ditegur.

21. Sejalan dengan perkembangan Industri 4.0, konsep penyampaian perkhidmatan awam perlu berubah bagi menghadapi cabaran yang semakin kompleks, justeru menuntut penjawat awam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan tugas.
22. Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara, semasa Majlis Pertemuan Bersama Ketua Jabatan Negeri Kedah dan Perlis pada 28 Julai 2019, telah meminta penjawat awam mengeneppikan budaya kerja silo atau bekerja dalam komuniti sendiri selari pembaharuan dalam perkhidmatan awam Negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2019

23. Dalam tempoh sepuluh hari lagi, kita akan menyambut Hari Kebangsaan yang ke-62 dengan tema "**Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih**" yang menekankan kepentingan perpaduan dan semangat cintakan Negara bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran Negara, tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan bangsa. Tema ini dipilih agar dapat memupuk dan menyalakan nilai integriti dan jati diri rakyat Malaysia yang bersih dan tinggi.
24. Bagi menyemarakkan semangat kemerdekaan dan patriotisme di kalangan warga Jabatan Perdana Menteri, Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Jabatan Perdana Menteri telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara, bertempat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 8 Ogos 2019.
25. Sepertimana ucapan Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ketua Setiausaha Negara dalam majlis tersebut, saya menyeru agar semua warga Jabatan Perdana Menteri sentiasa bersatu padu dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada negara. Kita perlu tanamkan sifat amanah, jujur dan menolak unsur-unsur negatif dan rasuah dalam urusan seharian.

26. Bagi menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan cintakan negara serta mengetengahkan bakat kreativiti warga Jabatan Perdana Menteri, beberapa acara telah diatur sepanjang bulan Ogos dan September seperti berikut:
- (i) Pertandingan Basikal Berhias Antara Bahagian Dengan Tema Kemerdekaan (anjaran Bahagian Sumber Manusia);
 - (ii) Pameran Hari Kemerdekaan (anjaran Perpustakaan JPM);
 - (iii) Eksplorasi Ilmu Sempena Kemerdekaan (anjaran Kelab Bukit Perdana); dan
 - (iv) Kuiz Kemerdekaan (anjaran Perpustakaan JPM).
27. Sebentar lagi menerusi Program Bicara Merdeka, kita akan mendengar perkongsian pengalaman wira Negara iaitu Yang Berusaha Superintendent Hakemal bin Hawari dari 69 Komando dalam penglibatan beliau menjaga keamanan Negara semasa pertempuran Ops Daulat di Lahad Datu pada tahun 2013.
28. Bertepatan dengan Bulan Kebangsaan serta Bulan Keselamatan Negara, perkongsian ilmu ini diharap akan memberi kesedaran kepada kita berkaitan pentingnya untuk mengekalkan keharmonian dan keselamatan Negara, menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan Negara serta sentiasa menghargai segala nikmat kemerdekaan yang telah kita kecapai hasil daripada perjuangan generasi terdahulu serta menghargai jasa barisan pertahanan yang menjaga keselamatan dan kedaulatan negara.
29. Marilah kita bersama-sama menjayakan sambutan Hari Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang untuk menandakan taat setia kita kepada Negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

DASAR KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

30. Dalam usaha untuk mengelakkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan serta produktiviti perkhidmatan awam, Kerajaan telah bersetuju untuk mengawal saiz perkhidmatan awam melalui

pengurangan perjawatan di Kementerian dan agensi kerajaan dengan pelaksanaan satu peratus (1%) pada tahun 2019 dan masing-masing dua peratus (2%) pada tahun 2020 dan 2021.

31. Antara strategi bagi mencapai hasrat kerajaan ini adalah melalui pemansuhan jawatan di bank perjawatan, jawatan yang telah kosong selama dua tahun, memaksimumkan penggunaan teknologi, kajian pertindihan fungsi dan penggunaan perkhidmatan luar untuk melaksanakan fungsi tertentu berbentuk operasi.
32. Sehubungan itu, saya menyarankan agar warga Jabatan Perdana Menteri memperkemaskan diri dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan serta mendepani tugas secara kreatif dan inovatif.
33. Dasar ini bukanlah perkara baharu sebaliknya adalah bertujuan untuk mengawal perbelanjaan Kerajaan dan mengelak pembaziran serta mengoptimumkan penggunaan sumber manusia bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam perkhidmatan awam.
34. Sekiranya tidak dikawal, ia akan meningkatkan perbelanjaan mengurus Kerajaan sekaligus mengecilkan peruntukan perbelanjaan pembangunan negara dan seterusnya memperlahankan pertumbuhan ekonomi.
35. Dasar ini hendaklah kita menyokong sepenuhnya dan kita perlu bersedia untuk bersama-sama menyertai Kerajaan untuk menjayakan dasar perkhidmatan awam ini menerusi kaedah-kaedah yang telah ditetapkan. Saya menyeru supaya kita melihat ke arah kecekapan tanpa perlu meningkatkan penjawat awam dalam organisasi kita ini. Jadi, kita perlu meneliti semula proses-proses dan carta alir kerja kita yang biasa kita buat untuk memastikan bahawa kerja-kerja yang kita laksanakan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
36. Di dalam segmen perkhidmatan atau pentadbiran kita di JPM ini yang mana perkhidmatan yang kita berikan ini tidak sangat bersifat *face to face* atau *one to one* seperti perkhidmatan pendidikan atau

kesihatan. Oleh sebab itu, kita masih boleh lagi mencari jalan dan kaedah supaya perkhidmatan yang diberikan itu boleh dipertingkatkan produktiviti tanpa penambahan perjawatan.

37. Saya menyeru supaya kepimpinan di pelbagai peringkat di JPM ini dapat dikendalikan dengan pelbagai kaedah untuk memastikan cara kerja kita ini lebih cekap, produktiviti lebih meningkat dan perkhidmatan yang kita berikan ini menjadi lebih baik. Gunakan lah segala kelebihan di dalam kemajuan teknologi yang boleh mempertingkatkan produktiviti kita.
38. Selain itu, apabila kita telah membentuk suatu sistem atau kaedah perkhidmatan yang menggunakan secara online dan sebagainya, perlu la digunakan sepenuhnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI

39. Kerajaan telah menguatkuasa pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) mulai 1 Ogos 2019 di mana pegawai diberi fleksibiliti untuk hadir bekerja dalam tempoh waktu masuk dan waktu pulang yang ditetapkan, dengan syarat memenuhi tempoh waktu bekerja sehari selama 9 jam waktu pejabat bermula dari pukul 7.30 pagi hingga 6.00 petang kecuali pada hari Khamis di negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor iaitu bermula dari pukul 7.30 pagi hingga 4.30 petang.
40. Sehubungan itu, warga Jabatan Perdana Menteri adalah diingatkan untuk mematuhi keputusan kerajaan ini dan Ketua Jabatan mengambil tindakan pemantauan yang sewajarnya.
41. Saya memohon supaya kita menerima pelaksanaan ini secara positif dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Kerjasama dari semua pihak adalah amat penting dalam menjadikan pembudayaan integriti ini menjadi komitmen oleh semua warga JPM.

KEMPEN HINDARI PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA

42. Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2019: Pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna di Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah dikeluarkan pada 19 Mac 2019 dan Pelan Hala Tuju Ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 yang turut diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).
43. Melalui arahan tersebut, semua kementerian dan agensi kerajaan persekutuan dan negeri hendaklah mengadakan kempen menghindari penggunaan plastik sekali guna di organisasi masing-masing semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program kerajaan dengan menggantikan botol plastik dengan botol kaca atau menyediakan jag air, menggantikan pembalut plastik di piring/pinggan atau mangkuk dengan penutup makanan yang boleh diguna semula dan tidak menyediakan pinggan/ piring/ mangkuk/ cawan/ kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik.
44. Justeru, Jabatan Perdana Menteri (JPM) menyambut baik dan menyokong penuh inisiatif hijau iaitu Hindari Plastik Sekali Guna untuk menghentikan penggunaan plastik yang mengambil masa antara 400 hingga 1,000 tahun untuk terurai dan mencemar alam sekitar.
45. Dengan iltizam dan komitmen yang jitu, JPM telah memulakan pelaksanaan inisiatif ini dengan menghentikan penggunaan plastik sekali guna di kafeteria B1 dan juga kedai PUSPANITA. Warga JPM juga digalakkan untuk membawa beg dan bekas makanan sendiri sekiranya ingin membungkus makanan di kafeteria. Selain itu, saya juga mengharapkan inisiatif ini turut dipanjangkan kepada program-program rasmi Jabatan terutama dari segi kaedah penyediaan makanan dan minuman.

46. Dengan ini saya menyeru agar semua pihak untuk bersama-sama menjalankan tanggung jawab masing-masing dalam menyokong inisiatif hijau Hindari Plastik Sekali Guna dan berubah menjadi lebih peka kepada persekitaran demi menjamin kelestarian alam sekitar dan bumi untuk diwariskan kepada generasi masa hadapan.
47. Kita perlu memastikan bahawa kita mempunyai jati diri yang tinggi dalam menjaga alam sekitar dan kita perlu mempunyai sikap *adult behaviour* dalam menghasilkan suasana yang dihormati.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENCAPAIAN JABATAN PERDANA MENTERI

48. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah atas pencapaian dan kejayaan yang diperolehi Jabatan Perdana Menteri sepanjang bulan Julai dan Ogos 2019, iaitu:
- (i) Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Perdana Menteri telah memenangi tempat ke-2 dalam Pertandingan Pembangunan Dashboard Sistem Analitik Sumber Manusia Sektor Awam (ASSIST) sempena bulan HRMIS Tahun 2019 anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
 - (ii) Jabatan Perdana Menteri memperolehi markah 100% bagi Kriteria 4: Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) melalui HRMIS bagi tahun 2019; dan
 - (iii) memperolehi markah 96% bagi Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan (IAKKP), Jabatan Perdana Menteri.
49. Pencapaian-pencapaian yang membanggakan ini tidak akan dapat dicapai tanpa komitmen yang tinggi serta semangat kerjasama yang padu daripada warga Jabatan Perdana Menteri.

50. Saya menyeru semua warga JPM untuk meningkatkan usaha dan memberikan komitmen yang berterusan ke arah mencapai JPM yang lebih kreatif dan berinovatif. Warga JPM hendaklah sentiasa berfikiran kreatif, inovatif dan berintegriti dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawab yang diamanahkan, berteraskan elemen akauntabiliti dan ketelusan dan seterusnya dapat meningkatkan keyakinan pemegangtaruh dan rakyat terhadap perkhidmatan awam.
51. Bagi mengakhiri ucapan, saya menyeru semua warga Jabatan Perdana Menteri agar terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negara serta menyokong dan menjayakan agenda negara. Bersama-samalah kita menghayati semangat bulan kemerdekaan dan menjiwai tema Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih. Sama-sama kita kibarkan jalur gemilang di premis kediaman kita dalam menzahirkan patriotisme yang tinggi di kalangan kita.
52. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Bahagian Sumber Manusia dan Urusetia Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri di atas kejayaan menganjurkan majlis perhimpunan bulanan pada kali ini. Terima kasih juga kepada semua warga JPM yang sama-sama hadir di majlis pada pagi ini.
53. Marilah kita bersama-sama berdoa agar segala yang kita rancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan sebaik mungkin.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.